

Philea Resort semarak Ramadan agih bubur lambuk



MELAKA 29 Jun - Walaupun umat Islam mula berpuasa hari ini, Philea Resort mengambil inisiatif awal mengagihkan 8,888 bungkus bubur ambuk kepada pengguna jalan raya berhampiran Plaza Tol Ayer Keroh di sini semalam.

Bubur lambuk yang dimasak kira-kira pukul 9 pagi itu dibantu oleh 100 kakitangan resort terkenal di negeri ini diketuai Chef Fezerin Senafi.

Mereka mengambil masa lima jam memasak bubur lambuk menggunakan 30 periuk besar sebelum diagih-agihkan kepada orang ramai kira-kira pukul 3 petang.

Pengurus resort, Lim Beng Weh berkata, program itu merupakan sebahagian daripada tanggungjawab sosial korporat (CSR) di samping meraikan kedatangan Ramadan yang dijangka Ahad ini.

Menurutnya, program itu telah dilaksanakan sejak lima tahun lalu itu juga sebagai tanda penghargaan pihak resort kepada orang ramai di samping merapatkan lagi hubungan masyarakat setempat di negeri ini.

Ini adalah sebahagian daripada usaha kami meraikan kedatangan Ramadan khusus buat umat Islam dan program ini akan berterusan selepas lima tahun kami anjurkan, katanya.

Pengagihan bubur lambuk itu disempurnakan Speaker Dewan Undangan Negeri (DUN) negeri, Datuk Othman Muhamad dan turut dihadiri Pengarah Pejabat Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan Malaysia negeri, Datuk Lim Chow Beng.

Beng Weh berkata, selain mengagihkan kepada orang ramai, bubur tersebut turut diberikan kepada rumah kebajikan anak yatim iaitu, Kompleks Rumah Anak Yatim Fatimah Al Zaharah (KAYFAZ) dan Rumah Budak laki-Laki Tun Abdul Aziz serta Rumah Seri Kenangan Cheng.